



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	23/7/2019	MUKA SURAT	:	63
JABATAN	:	SPAN / SAINS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

SPAN serbu premis bancuh simen disyaki curi air

Seremban: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) semalam melakukan serbuan mengejut ke sebuah premis membancuh simen di Kampung Jimah Baru di sini, yang disyaki mencuri air dengan melakukan penyambungan haram bagi kegunaan aktiviti harian.

Pengarah Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN, Mohd Fazil Ismail yang mengetuai operasi itu, berkata serbuan dilakukan selepas pihaknya menerima aduan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) berhubung kecurian air yang dilakukan premis itu.

Katanya, meskipun semakan rekod SAINS mendapati premis itu yang dipercayai beroperasi tiga tahun memiliki akaun serta meter sah berdaftar, pemeriksaan mendapati terdapat sambungan bekalan air secara tidak sah dilakukan.

"Kesalahan ini dilakukan mengikut Seksyen 123 (1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Siasatan lanjut akan dilakukan SPAN.

"Mengikut Akta 655, tiada seorang pun, selain pemegang lesen boleh membuat sambungan ke sesuatu sesalur utama awam atau paip air perkhidmatan. Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS, Norzita Ismail, berkata bagi tempoh Januari hingga Jun lalu, pihaknya menerima 726 aduan kes kecurian air, dengan 260 kes adalah sah membabitkan kerugian RM374,829.90.

BERNAMA